

Bil. 29

Khamis

1 November 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Bancian Pemegang Kad IMM13**
- *YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)* [Halaman 1]
- **Masalah Anak Angkat Bukan Warganegara yang Tidak
Dapat Memohon Permit Masuk atau Kewarganegaraan**
- *YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)* [Halaman 3]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Khamis, 01 November 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Isu Bancian Pemegang Kad IMM13

2.34 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan rakaman video yang menunjukkan sekumpulan besar pendatang menyerbu Pejabat Imigresen di Wisma Dang Bandang menular di media sosial baru-baru ini, persoalan timbul dari kalangan rakyat atas pengeluaran kad IMM13 baru kepada pelarian di Sabah, yang telah disekat pada tahun 2013.

Saya ingin mendapatkan gambaran benar terhadap hal ini, dengan meminta penjelasan dari Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri, kenapa ramai pendatang asing menyerbu Pejabat Imigresen di Kota Kinabalu pada minggu lepas. Saya minta penjelasan terhadap percanggahan di antara:

- (i) kenyataan Pengarah Imigresen Sabah, Musa Sulaiman, yang seolah-olah mengakui pendaftaran kad IMM13 baru telah berlaku pada 12 Oktober (proses pendaftaran IMM13 dihentikan serta-merta);
- (ii) kenyataan Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali, bahawa eksekusi itu hanyalah bancian ke atas pemegang kad IMM13.

Sehubungan dengan ini, berapakah jumlah pemegang kad IMM13 sedia ada dan apakah rasional untuk bancian diadakan sedangkan pengeluaran kad IMM13 yang baru telah dihentikan sejak tahun 2013. Sekian, terima kasih.

2.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Kinabalu. Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan pemegang IMM13 yang berdaftar di seluruh negara adalah sebanyak 101,355 orang. Daripada jumlah tersebut, statistik oleh Jabatan Imigresen Malaysia merekodkan sejumlah 99,055 orang pemegang IMM13 yang berdaftar di negeri Sabah sehingga bulan September 2018 dan 2,300 orang warganegara Syria yang telah menerima IMM13 bagi tempoh sehingga 9 Oktober 2018 bertujuan untuk keberadaan mereka di Malaysia di bawah Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS).

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penanguhan pengeluaran pas IMM13 oleh Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah telah dilaksanakan pada tahun 2013 bagi tujuan siasatan oleh Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah (RCI) dijalankan dan proses pendaftaran IMM13 boleh diteruskan setelah siasatan selesai dijalankan berdasarkan dasar dan prosedur sedia ada di Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah.

Isu kesesakan luar biasa yang dilaporkan di Pejabat Unit Khas Imigresen, Wisma Dang Badang, Kota Kinabalu, Sabah adalah atas faktor kehadiran pemegang pas IMM13 untuk mendaftarkan anak-anak mereka yang memiliki rekod kelahiran oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam usaha untuk melaksanakan proses bancian ini, pihak Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah perlu mendapatkan *profiling* ataupun bancian mengenai *locality* dan kesahihan maklumat pemohon.

Perkara ini adalah seiring dengan kenyataan oleh Ketua Pengarah Imigresen bahawa tiada sebarang proses permohonan baru bagi Pas IMM13 dan situasi yang berlaku pada 11 Oktober 2018 tersebut adalah sebahagian proses bancian bagi memperoleh maklumat pemohon sebelum seseorang individu dikeluarkan Pas IMM13 ke atasnya. Selain itu, terdapat banyak dokumen IMM13 palsu oleh orang tidak bertanggungjawab untuk tujuan mengaut keuntungan dan diharapkan melalui bancian itu, kita bukan hanya dapat mengenal pasti jumlah IMM13 palsu, malah menjejaki dalang ke atas pengeluaran dokumen yang telah diberhentikan pengeluarannya sementara itu.

Pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang serius berhubung isu-isu berkaitan pengurusan warga asing di dalam negara kita. Bagi isu berkaitan pengurusan warga asing di Sabah, pihak kementerian sedang mengkaji semula pendekatan terbaik dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pemegang pas IMM 13 bersama-sama pihak berkuasa di negeri Sabah seperti Jabatan Ketua Menteri Sabah, Majlis Keselamatan Negara Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah serta pelbagai agensi yang berkait rapat dengan

pengurusan isu-isu tersebut.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan saya Yang Berhormat, berdasarkan mesyuarat pengurusan warga asing Sabah yang telah diadakan pada 31 Oktober 2018 yakni semalam, pihak kementerian akan menyelaraskan semula isu yang berkaitan pengurusan warga asing di Sabah melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing Sabah yang mana di bawahnya terdapat satu jawatankuasa teknikal yang mana ahli-ahlinya akan melibatkan pihak-pihak berkepentingan di negeri Sabah.

Pendekatan yang teliti dan berhati-hati perlu sentiasa ditekankan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik kepada isu pengurusan warga asing di negeri Sabah dengan mengambil kira elemen keselamatan serta kepentingan negeri Sabah memandangkan perkara ini merupakan isu yang sering dibangkitkan oleh pemimpin dan masyarakat tempatan. Sekian dan terima kasih.

■1440

Masalah Anak Angkat Bukan Warganegara yang Tidak Dapat Memohon Permit Masuk Atau Kewarganegaraan

2.40 ptg.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ke atas kes Ern Tze@Tan Xiang Ping yang gagal membuat segala permohonan sama ada permit masuk atau warganegara.

Saudara Ooi Ern Tze lahir di Sandakan, Sabah pada tahun 1990 dan telah dimasukkan nombor 6138/90 dan dibuat pada 22 November 1990 dalam Daftar Kelahiran bagi negeri Sabah.

Seterusnya bapa angkat beliau Tan Teik Lee (Nombor kad pengenalan: 400716-02-5469) dan ibu angkat beliau (Nombor kad pengenalan: 490216-02-5042) telah mengambil angkat dia sebagai anak angkat melalui mahkamah pada tahun 1997 dan berjaya mendapat perintah pada tahun 1998.

Walau bagaimanapun, selepas mendapat perintah mahkamah, peguam beliau cuba membuat sijil anak angkat tetapi gagal. Sehingga tahun 2016, cabutan sijil daftar lahir beliau yang bernombor daftar 082469 tetap merekod keturunan dia sebagai Filipino. Maka beliau gagal mendapat sijil anak angkat yang mencatat ibu bapa angkat warganegara sebagai ibu bapa angkat yang sah walaupun telah mendapat kelulusan mahkamah. Ini

menyebabkan beliau tidak layak untuk memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 15A.

Kini beliau telah berumur 28 tahun dan tidak dapat sijil anak angkat dan juga tidak layak membuat permohonan warganegara di bawah Perkara 15A dan Perkara 19. Beliau juga tidak dapat memohon visa, pasport atau permit masuk (IC Merah) dengan sijil lahir sedemikian.

Keadaan ini amat menyusahkan beliau dalam mencari kerja dan juga urusan harian yang lain. Minta pihak kementerian memberi penjelasan atas isu ini dan juga memberi cadangan penyelesaian bagi kes-kes lain yang serupa. Sekian, terima kasih.

2.40 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, taraf kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku. Dalam kes anak angkat kepada warganegara Malaysia, pengangkatan tidak membawa maksud pemerolehan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Walau bagaimanapun, ibu bapa angkat boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan secara pendaftaran di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan sebelum anak angkat berumur 21 tahun.

Berhubung dengan kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, semakan ke atas rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati Ooi Ern Tze telah diambil sebagai anak angkat kepada Tan Teik Lee dan Lim Book Sim melalui Perintah Mahkamah pada 21 Januari 1998 dan mengguna pakai Sijil Kelahiran Negeri Sabah bernombor 6138/90 semasa permohonan pengangkatan tersebut.

Hasil siasatan lanjut mendapati sijil kelahiran berkenaan adalah kepunyaan orang lain yang didaftarkan atas nama Anil dan seterusnya bagi pengangkatan melalui Perintah Mahkamah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Seksyen di Alor Setar, Kedah yang berlaku pada 21 Januari 1998, pihak JPN tidak dapat meneruskan pendaftaran pengangkatan penama kerana masalah pendaftaran sijil kelahiran yang tidak teratur.

Pada 27 April 2000, JPN telah mengemukakan surat kepada peguam yang mewakili keluarga penama supaya mengemukakan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) atau membuat permohonan Daftar Lewat Kelahiran penama. Setelah itu pada 21 Januari 2015, ibu bapa angkat kepada penama telah mengemukakan permohonan Daftar Lewat Kelahiran dan seterusnya pada 8 Jun 2016, penama didaftarkan

dengan nombor daftar Sijil Kelahiran 082469XAH yang bertaraf Bukan Warganegara.

Dalam hal ini, penama bertaraf Bukan Warganegara dan hanya layak dikeluarkan Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS) adalah berdasarkan dua perkara iaitu:

- (i) sijil kelahiran dengan taraf belum ditentukan; dan
- (ii) ibu bapa tidak mempunyai dokumen pengenalan diri atau nombor dokumen pengenalan diri ibu bapa tidak merujuk kepada kad pengenalan atau passport.

Pengeluaran MyKAS tidak memberi taraf warganegara Malaysia kepada pemegangnya sebaliknya hanya memberi taraf pemastautin sementara sehingga taraf kewarganegaraannya dapat ditentukan atau diberikan taraf Pemastautin Tetap sekiranya layak. Permohonan MyKAS boleh dibuat setelah pemilik sijil kelahiran mencapai usia 12 tahun dan kad MyKAS membolehkan mereka menetap di negara ini melebihi 12 bulan dengan tempoh sah laku kad MyKAS selama lima tahun dan kad tersebut boleh diperbaharui setelah tamat tempoh.

Bagi mereka yang tidak mempunyai hak tuntutan kewarganegaraan (iaitu yang bertaraf bukan warganegara), mereka boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian ini turut ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat agar merujuk terus penama ke Kementerian Dalam Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara dengan cara hadir ke pejabat dan kaunter ataupun melalui e-mel dan telefon bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan dokumen pengenalan diri atau membuat semakan status permohonan kewarganegaraan Malaysia yang dikemukakan oleh mana-mana individu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 12 November 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.46 petang]